

30 AUG 2000

SINGAPURA KIRIM UCAPAN TAHNIAH KEPADA MALAYSIA

SINGAPURA, 30 Ogos (Bernama) -- Presiden Singapura S.R.Nathan dan Perdana Menteri Goh Chok Tong telah mengirim perutusan tahniah kepada Malaysia sempena sambutan Hari Kemerdekaan ke-43 esok.

Dalam perutusannya kepada Yang di-Pertuan Agong Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah, Presiden Nathan melahirkan keyakinan bahawa hubungan persahabatan yang rapat antara kedua-dua negara akan diperkukuh dan diperkembangkan lagi demi faedah rakyat masing-masing.

Goh, dalam perutusannya kepada Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, berkata Singapura sangat menghargai hubungannya dengan Malaysia yang sudah sekian lama terjalin dan meliputi pelbagai bidang itu.

Katanya beliau sentiasa mengharapkan untuk berusaha bersama-sama Dr Mahathir bagi mengembangkan lagi skop kerjasama yang sedia wujud antara kedua-dua negara.

Menteri Luar S.Jayakumar juga mengiriskan ucapan tahniah kepada rakan sejawatannya di Malaysia, Datuk Seri Syed Hamid Albar.

-- BERNAMA

TCL NMO